

Headline	Seorang lagi jemaah haji meninggal dunia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	3	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	60 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 782
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,345



Seorang lagi jemaah haji meninggal dunia

MAKKAH 22 Sept. - Seorang lagi jemaah haji Malaysia, iaitu yang kedua dari Malaysia meninggal dunia, di sini awal pagi semalam.

Hashim Abdul Latif, 60, meninggal dunia akibat serangan jantung semasa menerima rawatan di klinik Maktab Rehab Al Janadriyah di Al Bisjarah Mawaddah di sini pada pukul 12.01 pagi waktu tempatan.

Ketua Rombongan Haji Malaysia Tabung Haji (TH) Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, jenazah Hashim telah diurus oleh TH dan dikebumikan di tanah perkuburan Ma'la selepas solat zuhur.

Hashim yang berasal dari Kampung Rapat Jaya, Ipoh, Perak bersama isterinya, Rosnamsiati Mohd Daham adalah jemaah haji yang tiba dengan penerbangan KT15. Syed Saleh berkata, pengurusan TH telah memberi perkhidmatan kaunseling kepada Rosnamsiati supaya terus bersemangat mengerjakan ibadah haji walaupun tanpa suami. - BERNAMA